



*Majlis Malam Penghargaan*  
DAN  
PENGKIRTIRAFAN 55 PUSTAKA NEGERI SARAWAK  
17 DISEMBER 2012  
HOTEL GRAND MERITA

# Fountain of KNOWLEDGE

OCTOBER - DECEMBER 2012

• Pustaka Negeri Sarawak • Pustaka Miri • State Record Repository •



## Volume 55

ISSN NO. 1675-1183  
[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)





# EDITORIAL COMMITTEE



## ADVISOR

Japri Bujang Masli

## EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

## COMMITTEE MEMBERS

Laurena Aloh  
Edison Ricket  
Bronny Lawrence Nawe  
Sofina Tan Sofian Tan  
Alya Faeeqah Hj Hamali  
Norzihan Abdullah  
Mohd. Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



### Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
93050 Kuching, Sarawak  
Malaysia

Tel : 6 082 442000  
Fax : 6 082 449944  
Contact : librarian@sarawak.gov.my

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



## CEO MESSAGE

Assalamualaikum w.b.t. & Salam 1 Malaysia,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pembaca Fountain Of Knowledge dan dalam edisi kali ini kita akan terus berkongsi berita semasa dari Pustaka Negeri Sarawak.

Saya ingin mengalu-alukan orang awam dan pengguna Pustaka Negeri Sarawak untuk menggunakan perkhidmatan Maklumbalas Pelanggan kami. Sistem Maklumbalas Pelanggan Pustaka Negeri Sarawak merupakan satu daripada saluran yang membolehkan pengguna Pustaka Negeri Sarawak untuk mengemukakan pelbagai maklumbalas untuk memperbaiki dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Pustaka. Sesungguhnya pihak kami amat menghargai setiap maklumbalas yang diterima daripada anda. Melalui analisa maklumbalas ini, prestasi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka dapat dinilai dan jika terdapat sebarang masalah, langkah penambahbaikan akan diambil dengan sewajarnya.

Setiap maklumbalas boleh dikemukakan melalui laman web rasmi Pustaka Negeri Sarawak [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com). Sebagai sebuah gedung maklumat yang memberikan perkhidmatan kepada pengguna dari pelbagai kategori, saya yakin bahawa sebarang cadangan dan pandangan yang bernas daripada orang awam dan pengguna akan dapat menjadikan Pustaka Negeri Sarawak sebagai sebuah perpustakaan yang unggul dan berdaya saing di masa yang akan datang.

Terima kasih.

**Japri Bujang Masli**  
Pemangku Ketua Pengawai  
Eksekutif





**Kuching...** Komiti 5S pertama kali menganjurkan Pertandingan ciptaREKAtiviti pada Isnin, 22 Oktober 2012 bertempat di Lobi, Pustaka Negeri Sarawak. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencetus idea kreatif dan inovatif selain meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah, pemikiran kritikal dan komunikasi dan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara setiap ahli dan staf di Pustaka Negeri Sarawak. Konsep program adalah menggunakan bahan-bahan terpakai atau harian yang boleh digunakan semula dan bahan yang dicipta boleh dijadikan sebagai perhiasan atau boleh diletakkan di beberapa lokasi yang bersesuaian di Pustaka Negeri Sarawak mahupun mana-mana Jabatan lain. Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori; Kumpulan Kreatif iaitu projek akan dibuat pada hari pertandingan bersama-sama ahli kumpulan yang lain, walau bagaimanapun idea dan cadangan projek boleh dibincangkan terlebih awal dan Individu Kreatif dimana projek perlu disiapkan sendiri di rumah terlebih dahulu dan dibawa bersama-sama pada hari pertandingan untuk tujuan pembentangan dan pemarkahan. Ternyata staf Pustaka memberi respon yang baik dan membrangskangkan terhadap program ini kerana ianya memberi satu kelainan iaitu berkonsepkan rileks dan santai.



### PUSTAKA MIRI MENYERTAI KONVENSYEN KEBANGSAAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S

oleh : Abdul Aziz Haji Kassim (abdulak@sarawak.gov.my)

**MIRI...** Pustaka Miri telah mengorak langkah setapak lagi dengan menyertai Konvensyen Kebangsaan Persekitaran Berkualiti QE/5S pada 15 hingga 17 Oktober 2012 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pustaka Miri telah menghantar tiga (3) orang wakil iaitu Abdul Aziz Kassim, Nur Aiman Nicholas Luyoh dan Norfadila Sukardi untuk membentangkan dan mempersembahkan pelaksanaan Sistem Persekitaran Berkualiti di Pustaka Miri.

Sebanyak 65 jabatan dan organisasi telah menyertai konvensyen untuk kali ini dan lapan (8) daripadanya adalah jabatan dan organisasi daripada negeri Sarawak.

Pustaka Miri telah dianugerahkan pingat Perak. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan kerana ini merupakan penyertaan kali pertama Pustaka Miri di dalam konvensyen seumpama ini.

Penyertaan Pustaka Miri ke Konvensyen Kebangsaan Persekitaran Berkualiti 5S ini telah memberi pengetahuan dan pengalaman baru kepada Pustaka Miri bagi proses penambahbaikan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S dan akan dikongsi bersama dengan Pustaka Negeri Sarawak.



### LAWATAN PENANDA ARAS KE BANGUNAN REKOD REPOSITORI NEGERI

oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

**Kuching...** Setelah memenangi beberapa kali pertandingan audit dalaman, Bangunan Rekod Repositori, Pustaka Negeri Sarawak yang terletak di Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya telah dipilih oleh Komiti 5S dan Pihak Pengurusan sebagai tempat Penanda Aras. Pada 29 Oktober 2012, seramai 41 orang ahli kumpulan 5S, Komiti 5S dan pihak pengurusan dari Pustaka Negeri Sarawak meninjau setiap lokasi yang ada di bangunan tersebut. Selepas tinjauan dilakukan, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif diadakan di Bilik Mesyuarat, Rekod Repositori Negeri berpuas hati dengan amalan 5S yang telah diterapkan dan memohon agar ianya terus diamalkan dan mengharap semua ahli kumpulan 5S di Pustaka Negeri Sarawak menerapkan di setiap lokasi jagaan masing-masing.





## LAWATAN PENSIJILAN SEMULA 5S, 30 OKTOBER 2012



oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

**Kuching...** Pada Selasa, 30 Oktober 2012, Encik Izani Ishak dari MPC Cawangan Sarawak telah datang bagi membuat penilaian untuk pensijilan semula 5S yang turut merangkumi Bangunan Rekod Repositori Negeri, Jalan Sultan Tengah. Program dimulakan dengan pembentangan slaid dari Komiti 5S disaksikan semua Ketua Kumpulan 5S, Bahagian Inovasi dan Pihak Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak. Seterusnya lawatan diadakan di sekitar bangunan Pustaka Negeri Sarawak dan Bangunan Rekod Repositori Negeri. Sewaktu, penutupan penilaian, ternyata Encik Izani Ishak amat berpuas hati dengan amalan 5S yang telah dilaksanakan oleh Pustaka Negeri Sarawak. Dan Pustaka Negeri Sarawak berjaya membuktikannya dengan mendapat pensijilan semula amalan 5S dengan markah sebanyak 88.8 %. Tahniah buat semua Staf Pustaka Negeri Sarawak yang terlibat. Pustaka Boleh!



## PENYERTAAN PUSTAKA MIRI DALAM KONVENSYEN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S PERINGKAT WILAYAH SARAWAK & SABAH

oleh : Abdul Aziz Haji Kassim (abdulak@sarawak.gov.my)

**MIRI...** Buat julung kalinya Pustaka Miri telah menyertai Konvensyen Persekitaran Berkualiti QE/5S Peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching.

Konvensyen yang berlangsung pada 11 dan 12 Julai 2012 ini adalah anjuran pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC). Sebanyak sebelas (11) jabatan dan organisasi dari Sarawak dan Sabah menyertai konvensyen tersebut.

Penyertaan Pustaka Miri di dalam konvensyen ini adalah untuk menambah serta berkongsi pengetahuan dan menimba pengalaman baru dalam melaksanakan sistem persekitaran berkualiti QE/5S di Pustaka Miri.

Banyak pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi semasa menyertai konvensyen ini dan ianya sedikit sebanyak dapat membantu Pustaka Miri untuk melakukan penambahbaikan terhadap amalan 5S ini.

Pencapaian yang diperolehi oleh Pustaka Miri di dalam konvensyen ini amat membanggakan apabila berjaya dianugerahkan Pencapaian Tiga (3) Bintang sekaligus melayakkan Pustaka Miri menyertai Konvensyen Kebangsaan Persekitaran Berkualiti QE yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 2012.



## PUSTAKA MIRI MENGANJURKAN HARI KREATIF 5S

oleh : Abdul Aziz Haji Kassim (abdulak@sarawak.gov.my)

**MIRI...** Pada 24 September 2012, Jawatankuasa Penggerak 5S Pustaka Miri telah mengadakan Hari Kreatif 5S sebagai salah satu inisiatif memupuk dan mewujudkan semangat amalan 5S di kalangan kakitangan Pustaka Miri.

Objektif Hari Kreatif 5S ini diadakan adalah untuk :

1. Menerapkan Nilai-nilai 5S dikalangan kakitangan Pustaka Miri
2. Menanamkan semangat berpasukan dan kerjasama diantara ahli Kumpulan/Zon 5S di Pustaka Miri
3. Mencungkil daya kreativiti setiap Zon 5S Pustaka Miri
4. Memberi kesedaran kepada kakitangan Pustaka Miri betapa pentingnya amalan 5S ini dipraktikkan oleh setiap kakitangan dan pengguna di Pustaka Miri

Keputusan Pertandingan adalah seperti berikut :

Pertandingan Senamrobik Elemen 5S  
JOHAN - Zon Bumi  
NAIB JOHAN - Zon Utarid  
KETIGA - Zon Zuhrah

Pertandingan Koir 5S  
JOHAN - Zon Utarid  
NAIB JOHAN - Zon Bumi  
KETIGA - Zon Zuhrah

Pertandingan Rekacipta 3R  
JOHAN - Zon Bumi  
NAIB JOHAN - Zon Utarid  
KETIGA - Zon Zuhrah

Turut hadir menyaksikan pertandingan tersebut adalah Pengurus Wilayah Pustaka Miri Salina Hj. Zawawi.





## MAJLIS MALAM PENGHARGAAN DAN PENGKIRTIRAFAN 5S PUSTAKA NEGERI SARAWAK PENUH WARNA WARNI

oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

Bertempat di Dewan Asajaya, Hotel Grand Margherita pada 17 Disember 2012, Komiti 5S Pustaka Negeri Sarawak dengan jayanya mengadakan Majlis Malam Penghargaan dan Pengiktirafan 5S bersempena dengan meraiakan kejayaan Pustaka Negeri Sarawak dalam memperolehi pensijilan semula 5S untuk kali kedua pada 30 Oktober 2012 yang lalu. Selain memberi penghargaan kepada semua staf Pustaka Negeri Sarawak yang telah sudi menyokong dan memberi kerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti 5S di Pustaka Negeri Sarawak, majlis ini juga dapat memberi suntikan semangat dan motivasi kepada staf untuk terus mengamalkan budaya berkualiti di Pustaka Negeri Sarawak.

Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan dari Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak seterusnya penyampaian Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) yang disampaikan oleh Jerry Shahrizal Abdul Aziz mewakili MPC Wilayah Sarawak. Majlis diserikan dengan persembahan kreatif dari 12 buah Kumpulan 5S Pustaka Negeri Sarawak yang menampilkan 12 tema berbeza dan video pendek khas berjudul "Persekitaran Kondusif Kerja Efektif" oleh Komiti 5S.

Majlis turut menyampaikan hadiah Pertandingan Audit 5S Siri 3/2012 untuk Kategori Sudut Kumpulan 5S Terbaik, Lokasi Terbaik Kumpulan, Transformasi Kumpulan Terbaik dan Kumpulan Komitmen Terbaik

bersempena dengan Kempen Kebersihan Saya Sayang Pustaka Siri 3/2012 yang telah berlangsung pada pagi hari yang sama. Pertandingan persembahan kumpulan kreatif dimenangi oleh Kumpulan 5 Star.

Malam yang cukup bermakna itu, disertai dan diceriakan lagi oleh Pengacara Majlis yang tidak asing lagi di Sarawak iaitu Mohamad Fazdly Yazid Bin Bolhi atau lebih dikenali dengan DJ Yaz.

## AKTIVITI GOLONGAN ISTIMEWA DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

oleh : Geneve Belantau (genevebv@sarawak.gov.my)

**KUCHING...** Pada 9 Oktober 2012 yang lepas, Pertubuhan Ibu Bapa Kanak-kanak Istimewa Sarawak (PIBAKAT) telah mengadakan lawatan ke Pustaka Negeri Sarawak. Lawatan ini telah dihadiri oleh enam (6) orang kanak-kanak istimewa dan seorang guru pengiring.

Antara aktiviti yang diadakan sempena lawatan tersebut ialah membuat "Knob Door Hanger." Aktiviti ini sangat menarik dan ringkas disamping dapat membina kreativiti, meningkatkan kemahiran dan konsentrasi kanak-kanak tersebut. Aktiviti ini berlangsung selama hampir sejam.

Dengan adanya aktiviti sedemikian, pengetahuan dan kemahiran dapat dikembangkan ke tahap yang lebih luas. Bukan sahaja kepada golongan istimewa, malah kepada masyarakat Sarawak khususnya. Di samping itu, ikatan sillaturahmi juga dapat dipupuk melalui kerjasama dalam aktiviti seperti ini. Oleh itu, memang wajarlah Pustaka Negeri Sarawak dijadikan sebagai "Gedung Ilmu" kepada masyarakat hari ini.



## GETTING TO KNOW THE CHINESE PERANAKAN AT PUSTAKA MIRI

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)



**MIRI...** An exhibition on 'Chinese Straits Antique Collection' was held for the duration of a month at Pustaka Miri (9th October – 9th November 2012).

The objective was to expose visitors to the unique culture of the Baba Nyonya or Chinese Peranakan community.

More than 100 antique items from local avid collector Lucas Johnny were put on display. He was even around at the exhibition site to talk and explain to visitors the significance of collecting the items.



Amongst the items are the tiny lotus foot shoes; porcelain and ceramic vases, bowls as well as decorations; glassware; and old-fashioned kebayas. Some of the antique items were handed down to him by his ancestors while the rest were bought or given to him by his acquaintances from around the world.

Lucas is one of Pustaka Miri's Friends of the Library (FOL) and has been actively involved in the library activities for nearly ten years.





## LAN BERAMBEBH DI SMK PESANTREN ABDUL TAIB MAHMUD

oleh : Alya Faeqah (alyafh@sarawak.gov.my)

Pada 2 November 2012 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan program "Lan Berambebh" bersama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud. Program "Lan Berambebh" ini merupakan program kali kedua Pustaka Negeri Sarawak pada tahun ini selepas program "Lan Berambebh" di SMK (A) Tun Ahmad Zaidi.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi informasi dan maklumat terkini mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak selain daripada mempromosi Pustaka sebagai sebuah gedung ilmu. Oleh yang demikian, program ini diharapkan dapat memberi kesedaran terutamanya kepada para pelajar betapa pentingnya maklumat dan pengetahuan di dalam era masa kini.

Oleh kerana program ini merupakan kesinambungan daripada Program Sekolah Angkat, pihak Pustaka juga berharap agar program ini dapat menambah jumlah keahliannya yang terdiri dari kalangan para pelajar serta kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud melalui promosi yuran keahlian RM1 Pustaka.

Di antara aktiviti dan program yang telah diadakan bersama pelajar ialah Program Literasi Maklumat. Program ini telah dikendalikan oleh Cik Nortailawaty Ismail, dibantu oleh

Encik Herrie Suliano dan Cik Sarinah Kassim. Melalui program ini, para pelajar telah diberi pendedahan berkenaan sumber-sumber rujukan yang berkaitan untuk tujuan rujukan dan pembelajaran di samping teknik pencarian dan penggunaan maklumat dengan berkesan. Selain itu, para pelajar berpeluang mempelajari teknik penggunaan bahasa dengan betul melalui Program Bahasa Jiwa Bangsa yang telah dikendalikan oleh Puan Dayang Norazan Kartini Pengiran Awang Zain dari Dewan Bahasa & Pustaka, Cawangan Sarawak.

Para guru dan kakitangan juga tidak ketinggalan mengikut Program Born To Read yang dikendalikan oleh Encik Henry Leo. Melalui program ini, para peserta telah diperkenalkan dengan program yang amat berguna untuk mendidik dan memupuk minat membaca di kalangan anak-anak bermula dari seawal dalam kandungan lagi. Program ini juga, dapat menjadi salah satu teknik komunikasi dalam menjalin hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dan anak-anak.

Pada sebelah petang pula, para pelajar telah diberi taklimat mengenai perkhidmatan u-Pustaka yang telah dikendalikan oleh Cik Sharifah Seria Wan Razali dimana maklumat yang terperinci mengenai perkhidmatan tersebut telah dikongsikan kepada semua pelajar disamping mendedahkan para pelajar mengenai perkhidmatan perpustakaan I Malaysia yang menyediakan akses maklumat dan peminjaman buku walau dimana jua mereka berada.

## CERAMAH SARAWAKIANA : "ISU LIMBANG SEBELUM 1963"

oleh : Geneve Belantau (genevebv@sarawak.gov.my)



**KUCHING...** Pada 13 November 2012 yang lalu, Encik Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustaman yang merupakan seorang pensyarah dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang telah diundang ke Pustaka Negeri Sarawak untuk menyampaikan sebuah siri ceramah Sarawakiana yang bertajuk "Isu Limbang Sebelum 1963." Ceramah ini diadakan di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak. Ia dimulakan seawal jam 2.30 petang dan dijangka tamat pada jam 4.30 petang.

Objektif tajuk ceramah ini dipilih adalah untuk mengupas beberapa isu yang boleh dijadikan sebagai satu kajian akademik yang menyumbangkan ilmu pengetahuan mengenai Sarawak dan Borneo secara amnya. Di samping itu, masyarakat Sarawak dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai isu penting yang berlaku di Limbang yang tidak diketahui oleh segelintir penduduk di Sarawak .

Ceramah yang berlangsung selama hampir dua (2) jam ini telah dihadiri oleh 154 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai profesion dan lapisan masyarakat. Ceramah ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta yang ingin mengetahui sejarah dan isu limbang dengan lebih mendalam.





# KEMPEN KEBERSIHAN : SAYA SAYANG PUSTAKA (PERSEKITARAN BERSIH, MINDA CERDAS) PERINGKAT PUSTAKA MIRI

oleh : Abdul Aziz Haji Kassim (abdulak@sarawak.gov.my)



**MIRI...** Kempen Kebersihan: Saya Sayang Pustaka telah diadakan di Pustaka Miri pada 9 Ogos 2012 yang lalu.

Kempen ini merupakan salah satu inisiatif daripada Komiti 5S Pustaka Miri bagi mewujudkan amalan persekitaran berkualiti (5S) dalam usaha menjadikan Pustaka Miri sebagai kawasan yang bersih, indah dan selamat kepada orang awam dan pengunjung.

Dengan adanya kempen ini, ianya dapat memberi kesedaran kepada orang awam agar menjaga kebersihan di sekitar Pustaka Miri dengan tidak membuang sampah merata-rata sekaligus menanam sikap "Saya Sayang Pustaka" di kalangan pengguna dan kakitangan Pustaka Miri.

Sehubungan dengan itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Encik Japri Bujang Masli telah merasmikan kempen tersebut dan sekaligus telah mengedarkan penanda buku kempen kepada para pengguna dan kakitangan Pustaka Miri.

Selain itu, beliau telah menyerahkan kain rentang kempen kepada ketua-ketua Zon 5S di Pustaka Miri untuk dipamerkan di kawasan zon masing-masing dan untuk dipamerkan di luar bangunan Pustaka Miri.

Dengan adanya aktiviti sebegini diharap dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu sesama warga Pustaka Miri. Ianya dijadikan salah satu program yang berterusan serta melibatkan pengguna dan orang awam yang berkunjung ke Pustaka Miri.

## PERTANDINGAN MEMBACA KANAK - KANAK TADIKA 2012 (KATEGORI BAHASA INGGERIS)

oleh : Norailawaty Ismail (norlaii2@sarawak.gov.my)

Pertandingan Membaca Kanak – kanak Tadika 2012 (Kategori Bahasa Inggeris) telah diadakan pada 18 Oktober 2012 di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini di harap dapat menyemai dan menerapkan budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan kanak – kanak sejak dari kecil lagi.


Pertandingan yang berlangsung selama hampir empat jam ini telah disertai oleh 27 orang peserta yang mewakili tadika masing – masing. Pertandingan ini terbuka kepada semua kanak – kanak tadika di kawasan Bandaraya Kuching dan Samarahan yang berumur empat hingga enam tahun. Para peserta dinilai dari segi sebutan, intonasi dan kelancaran pembacaan mereka.

Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan diiringi oleh Puan Hayati Haji Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini telah dimenangi oleh adik Adik Estelle Willie dari Smart Reader Kids Jalan Keretapi, manakala tempat kedua pula telah dimenangi oleh adik Ephraim Hii Xin En dari Tadika Rhema dan tempat ketiga pula dimenangi oleh adik Dania Amani bt Kiprawi dari Smart Readers Kids Lee Ling





# SILANG KATA



## MELINTANG

- 1 Cecair yang hampir beku
- 2 Zaman
- 3 Ingin sesuatu dengan banyaknya
- 4 Pecah halus-halus
- 5 Bertabur merata-rata
- 6 Ruang lebar dalam pintu utama bangunan

## KE BAWAH

- 1 Keadaan sesuatu
- 7 Teguh buatanya
- 8 Dimainkan oleh dua orang
- 9 Agenda
- 10 Bergerak melakukan sesuatu
- 11 Bangunan tempat menahan orang salah

## JAWAPAN

PERO	1	PEKAT	1
KUKUH	7	ERA	2
CATUR	8	RAKUS	3
ACARA	9	HANCUR	4
AKSI	10	SERAK	5
JEL	11	LOBI	6

KE BAWAH      MELINTANG

# PHOTOGRAPHY EXHIBITION ON 'AN ENDURING BOND: CELEBRATING THE 50<sup>TH</sup> ANNIVERSARY OF PEACE CORPS MALAYSIA' AT PUSTAKA MIRI

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)



**MIRI...** Pustaka Miri is hosting a photography exhibition on 'An Enduring Bond: Celebrating The 50th Anniversary of Peace Corps Malaysia' starting 1st November 2012.

The photo exhibition, which is flown in to Miri by U.S. Embassy Malaysia's Lincoln Resource Center, is to commemorate and celebrates the 50th anniversary of the US Peace Corps in Malaysia.

It features photos and stories of the time the volunteers spent in Malaysia, particularly Sarawak, as well as stories from Sarawakians who had personal experiences working with or learning from the volunteers.

There will be a display board reserved for visitors who have had personal experience with the Peace Corps to pin up their photographs or memorabilia.

The exhibition was officially opened in Pustaka Miri with the presence of Ms. Rain Che Bian - Public Diplomacy Officer at the U.S. Embassy Kuala Lumpur. She gave a brief remark on Peace Corps as well as the significance of the exhibition being held.

A former Peace Corps Volunteer (PCV) Florence Enau shared her experience and view during the opening ceremony. A freelance writer Jennie Soh also shared a photograph of a PCV who taught her back in the 70s.

Also present during the event was Pustaka Miri's Acting Regional Manager, Ahmad Samsudin.

The photo exhibition was first launched in Kuala Lumpur in April this year, before travelling to Alor Setar, Seberang Jaya, George Town, Melaka, Kuantan and Kuching in September. It will be held in Miri until 30th November 2012.

The Peace Corps came to Malaysia between 1962 and 1983, sending more than 4,000 volunteers to work side by side with Malaysians in education, agriculture, health, and other development areas.

Many volunteers' lives became deeply intertwined with their adopted Malaysian communities, and the Peace Corps Anniversary Exhibit celebrates these wonderful lifelong relationships across Malaysia.





# PUSTAKA MOBILE STORYTELLING PROGRAM 2012

oleh : Norlailawaty Ismail (norlail2@sarawak.gov.my)

Kanak-kanak pada peringkat prasekolah sangat menyukai aktiviti membaca cerita secara kuat. Menurut Dr Rohizani Yaakub (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia) kanak – kanak sangat menyukai sekiranya ibu bapa, guru – guru, atau sesiapa sahaja membacakan cerita dan mereka mendengar. Pada masa yang sama, kanak-kanak sebenarnya menyimpan hasrat untuk dapat membaca seperti yang dilakukan oleh pencerita tersebut. Perbuatan membaca iaitu pergerakan kepala (mata) dari kiri ke kanan, sangat menarik perhatian kanak-kanak. Mereka seolah-olah tidak sabar untuk menguasai kemahiran 'ajaib' tersebut.

Menyedari pentingnya aktiviti pembacaan di kalangan kanak – kanak prasekolah, Pustaka telah mengadakan program Mobile Storytelling ke tadika di sekitar bandaraya Kuching. Sesi bercerita yang diselang – seli dengan sesi menyanyi dan aktiviti kraf ini diharap dapat membantu kanak – kanak memupuk sikap positif terhadap amalan membaca di masa akan datang. Bagi tahun 2012, program Mobile Storytelling telah diadakan di tiga belas buah tadika di sekitar bandaraya Kuching dan mendapat maklumbalas yang positif dari pihak pengurusan tadika dan terutamanya dari kanak-kanak. Sesi ini akan diteruskan lagi di tahun hadapan dengan lebih banyak lagi pengisian yang menarik.

## APRIL

- 10 TBK KPG SAMARIANG JAYA II
- 17 TBK TMN SUKMA (A)
- 23 TBK KPG SEMERAH PADI 1 (A)
- 30 TBK KPG KUDEI BARU

## MEI

- 10 TBK KEMAS RPR II (B)

## JUN

- 19 TBK KEMAS KAMPUNG GITA LAUT
- 28 TBK KEMAS AL-MUHAJIRIN

## SEPTEMBER

- 18 TABIKA KEMAS KPG TUPONG TENGAH
- 19 TABIKA KEMAS KPG SEGEDUP
- 20 TABIKA KEMAS TAMAN SRI HARMONI

## OKTOBER

- 10 TBK KEMAS KAMPUNG TUPONG HULU (A) & (B)
- 17 TBK KEMAS TAMAN DAHLIA (A), (B), (C) & (D)
- 30 TBK KEMAS BOMBA

## SPELLING WIZARD CHALLENGE 2012

Pada 05 November 2012 yang lepas, Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah menganjurkan "Spelling Wizard Challenge 2012" bagi kategori sekolah rendah kerajaan sahaja di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini di harap dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta membantu penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak.

Pertandingan ini berlangsung selama empat jam dan telah disertai oleh 15 orang peserta yang mewakili sekolah masing-masing. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Puan Hayati Haji Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini telah dimenangi oleh adik Isaac Chung dari SJK Chung Hua No.4, tempat kedua pula dimenangi oleh adik Jack Chan dari St Joseph's Primary School dan tempat ketiga dimenangi oleh Caleb Chieng dari SK Sam Hup Kee.

oleh : Norlailawaty Ismail (norlail2@sarawak.gov.my)



# ARTS EXHIBITION

## 'AKU, KAU & SENI LUKISAN' AT PUSTAKA MIRI

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

The exhibition took place in the library's foyer and it showcased paintings by local renowned artists Mohd. Pufit Pekok and Noel Belulok.

A combined of some 50 artworks from these two artists as well as some from their fellow artist friends was displayed throughout the exhibition period.

Mohd. Pufit is a self-taught artist specializes in water-colour and charcoal. He pursued his art study at International Academy for Intercultural Development, (Academy for Dance, Music & Art) in Doha, Qatar.

Noel, meanwhile, has a passion for batik and had his art training from Kraftangan Malaysia (Kuching) and IKBN Jitra, Kedah Darul Aman.

The exhibition was officially opened on Saturday, 3rd November 2012 by Datuk Sebastian Ting – Political Secretary to the Minister of Energy, Green Technology and Water and witnessed by Pustaka Miri's Acting Regional Manager, Ahmad Samsudin.

Apart from the exhibition, Noel conducted a batik art workshop and talk for students on the opening day. He demonstrated painting techniques to young art enthusiasts and the participants had a hands-on experience doing batik painting.

The exhibition ended on 17th November 2012.



*HANDS-ON...Students were taught the basics of batik painting techniques.*

## STAFF NEWS

### CONGRATULATIONS on your new born



Nama Staf (Ibu)  
Geneve Belantau

Jawatan/Sektor  
LPRS / Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan

Nama Anak  
Gracilla Nalam  
ak McKinley Davis

Tarikh Lahir  
9 Ogos 2012



Nama Staf (Bapa)  
Suhaili Hj Morsidi

Jawatan/Sektor  
Pembantu Perpustakaan  
/Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan

Nama Anak  
Mya Yumna Schakeera  
binti Suhaili

Tarikh Lahir  
19 Ogos 2012



Nama Staf (Ibu)  
Nur Syamimi Abdullah

Jawatan/Sektor  
Pembantu Perpustakaan  
/Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan

Nama Anak  
Nur Amani Radhya  
Bt Mohamad Firwan

Tarikh Lahir  
21 September 2012



Nama Staf (Ibu)  
Haspidawati Hj Bujang

Jawatan/Sektor  
Penolong Akauntan  
/Sektor Pengurusan Korporat

Nama Anak  
Ajwad Hilmi Bin Saufie

Tarikh Lahir  
15 November 2012





**NAMA STAF**

Rozana Octovia

**JAWATAN / SEKTOR**

Pustakawan  
/ Sektor Perkhidmatan  
Depositori

**NAMA PASANGAN**

Robin Ak. George

**TARIKH PERKAHWINAN**

24 November 2012

*TAMBAH!*

**NAMA STAF**

Musa Bin Ayob Abd Rahman

**JAWATAN / SEKTOR**

Pegawai Teknologi Maklumat  
/Sektor Teknologi Maklumat  
& Komunikasi

**NAMA PASANGAN**

Roswita Binti Rawi

**TARIKH PERKAHWINAN**

15 November 2012



**NAMA STAF**

Haslizawati Bt. Johan

**JAWATAN / SEKTOR**

Pembantu Perpustakaan  
/Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan

**NAMA PASANGAN**

Amir Ikhsan

**TARIKH PERKAHWINAN**

30 November 2012



**NAMA STAF**

Awang Affizan Awang  
Maulana

**JAWATAN / SEKTOR**

Pembantu Perpustakaan /  
Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan

**NAMA PASANGAN**

Siti Rozainah Binti Hamdi

**TARIKH PERKAHWINAN**

29 Disember 2012



**NAMA**

Nur Asikin Binti Ahmad

**JAWATAN**

Pembantu Perpustakaan S17

**TARIKH MELAPOR DIRI**

3 Disember 2012

**PENEMPATAN**

Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan / Bahagian  
Perkhidmatan Teknikal





## Listing of Visits to **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

DATE	OCTOBER 2012
4	SJK CHUNG HUA BATU 8 1/2
5	SEKOLAH KEBANGSAAN ST. JOHN
11	TABIKA KEMAS TAMAN INDAH PERMAI SEKOLAH KEBANGSAAN PENDAM
18	SEKOLAH KEBANGSAAN TANJONG APONG SJK STAMPIN SJK CHUNG HUA BUNTAL
20	SEKOLAH KEBANGSAAN SLDB NO. 1
30	TABIKA PERPADUAN TAMAN HENG GUAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LUNDU
DATE	NOVEMBER 2012
6	SMK SRI SADONG, SIMUNJAN
13	SK ST FRANCIS XAVIER, KANOWIT
DATE	DECEMBER 2012
6	PEJABAT PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK
10	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN YA'KUB (SEDAYA)
14	PUSAT TUSYEN TUNAS SINARAN
21	KOMITI GERAKAN MEMBACA SABAK BERNAM, SELANGOR

## Listing of Visits to **PUSTAKA MIRI**

DATE	OCTOBER 2012
6	TABIKA PERPADUAN RPR BANDAR BARU PERMYJAYA-DAHLIA
15	SK HERMANUS ASSAN, SEBAUH BINTULU
22	PEJ. PELAJARAN DAERAH BARAM - KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH PENAN 2012
23	SK BEKENU
29	SK KITA, BEKENU
30	SK ULU BAWAN, KANOWIT
31	TADIKA ASTANA MIRI SK LABANG, BINTULU
DATE	NOVEMBER 2012
3	SK SG. BAKAS, BAKONG
6	SK LUTONG - KEMBARA ANAK 1MALAYSIA
13	SK NANGA MACHAN, KANOWIT
14	SK NANGA NGUNGUN, KANOWIT
DATE	DECEMBER 2012
3	KELAB REKREASI, SUKAN & KEBAJIKAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PEMADAM NEGERI SABAH

